Source: *Berita Harian,* p5
Date: 2 April 2016

SG-Innovate dibentuk bagi bantu firma baru pasarkan ciptaan

▶**NORHAIZA HASHIM**
norhaiza@sph.com.sg

ROMBAKAN ekonomi melalui inovasi dan keusahawanan amat penting dalam ekonomi Singapura dan atas dasar itu, syarikat SG-Innovate sebagai pemangkin inovasi bagi mengkomersialkan idea ciptaan syarikat baru, menurut Menteri Kewangan, Encik Heng Swee Keat.

Usahawan baru itu dapat menghuraikan 'masalah yang dihadapi di dunia' dengan memanfaatkan kemudahan dan rangkaian disediakan oleh SG-Innovate.

"Merombak ekonomi kita melalui inovasi dan keusahawanan amat penting kepada ekonomi di masa depan.

"Kita ingin menggalak pelajar dan penyelidik kita bagi mengkomersialkan idea mereka. Dengan membentuk SG-Innovate, ia akan menyediakan saluran bagi menghubungkan bakal usahawan dengan 'duit bijak', pembimbing dan pasaran sejagat," ujar beliau ketika ditemui oleh media selepas melawat prasarana usahawan baru The Hangar oleh NUS Enterprise dan Bash (Build Amazing Startups Here) dikendalikan oleh Infocomm Investments Private Ltd (IIPL) di JTC Launchpad@one-north semalam.

Encik Heng berkata banyak dana telah dilaburkan dalam kajian dan pengembangan (R&D) yang dapat dimanfaatkan sebagai ciptaan yang boleh dikomersialkan.

SG-Innovate akan dibentuk sebagai sebuah syarikat di bawah Yayasan Kajian Kebangsaan (NRF).

Encik Steve Leonard, Pengerusi IIPL, akan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SG-Innovate.

IIPL, anak syarikat milik penuh Penguasa Pembangunan Infokom (IDA), akan disusun semula bagi menjadi tunggak pertama SG-Innovate.

Bash, yang terletak di 79 Ayer Rajah Crescent, merupakan ruang usahawan baru terbesar di Singapura.

Melalui Bash, usahawan baru yang mencipta produk baru dalam sektor infokom dan teknologi (ICT) akan dipadankan dengan pembimbing mapan dan penyedia modal.

Mereka juga akan dibantu mendapatkan bakat dan teknologi dalam institut kajian serta meneroka pasaran baru di peringkat sejagat.

SG-Innovate tidak akan hanya menumpukan kepada bidang ICT tetapi bidang lain termasuk kewangan, kesihatan dan bekalan bijak.



CIPTAAN MENARIK PERHATIAN: Encik Heng *(kanan)* mendapat penjelasan dari Encik Abdul Hadi Abdul Halim mengenai ciptaannya yang menggunakan teknologi mengecam wajah (Facetrax) di The Hangar di NUS. Di tengah ialah Cik Sarah Ho yang juga mencipta produk dikenali sebagai Anonymous Chat. – Foto NORHAIZA HASHIM

Sejajar dengan pengumuman itu, Penguasa Kewangan Singapura (MAS) dan NRF mengumumkan pembentukan Pejabat Teknologi Kewangan (FinTech) pada 3 Mei ini bagi menjadi entiti alam maya satu hentian bagi menggalak ciptaan teknologi kewangan di Singapura.

"Pejabat FinTech akan dapat menggalak pembangunan sistem eko FinTech di Singapura dan menyokong visi MAS menjadi Pusat Kewangan Bijak," ujar Ketua Pegawai FinTech MAS, Encik Sopnendu Mohanty, yang akan memimpin Pejabat FinTech bersama Encik Leonard.

Sementara itu, dalam lawatan Encik Heng semalam, beliau juga bertemu dengan mahasiswa tahun keempat Sarjana Muda Sains Komputer Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Abdul Hadi Abdul Halim, 27 tahun.

Encik Hadi bersama dua rakan mahasiswanya, Cik Rebecca Chou and Cik Joleen Lee, telah membuka firma baru, Facetrax.

"Facetrax menggunakan teknologi bagi mengecam wajah individu. Jadi, jika ada acara yang dianjurkan, teknologi itu boleh digunakan untuk mengenal pasti peserta acara," kata Encik Hadi yang baru pulang daripada mengikuti program belajar sambil bekerja di Universiti New York (NYU).

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.